

# ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

\*\*\*\*\*Aliran Fahaman Mu'tazilah dan Ahlu al-Sunnah\*\*\*\*\*

“... Imam Ahmad bin Hanbali radiyallahu ‘anhu, Imam Daud al-Asfahani dan pengikut-pengikutnya, dan ulama-ulama di belakang mereka seperti: Abdullah bin Said al-Kalabi dan al-Harith bin Asad al-Muhasibī, iaitu ulama salaf yang membahas ilmu kalam, sambil memperkukuh pendirian dan i'tiqad mereka dengan keterangan dan hujah yang teguh. Langkah merekalah yang diikuti kemudian oleh Imam Asha'ri yang mendirikan satu sistem yang tersendiri pula dan memakai senjata kaum Mu'tazilah untuk mempertahankan pendirian Ahlu al-Sunnah wal Jamaah. “Demikian antara lain, huraian Tuan Muhammad Natsir di dalam kitabnya “Capita Selecta” yang kita petik dan turunkan di sini \_ F. Q.

\*\*\*\*\* (oleh: Muhammad Natsir)\*\*\*\*\*

1  
Pendahuluan.  
Fahaman, pengertian dan keyakinan tentang ketuhanan dan apa yang bersangkutan dengan itu yang termaktub dalam al-Quran al-Karim telah menjadi buah permenungan dan perbincangan ahli akal semenjak kurun hijrah yang pertama, jauh sebelumnya orang Islam berkenalan dengan falsafah Yunani.  
Maka, sebagaimana yang telah kita terangkan dalam masa memperbincangkan “*Ikhwān al-Safā*” pada permulaan kurun kedua hijrah mulailah timbul satu aliran fahaman yang dikemukakan oleh beberapa ahli akal yang terkemuka, yang mendirikan satu mazhab yang dinamakan dengan “Mu'tazilah”. Ahli sejarah Barat pernah menamakan pergerakan ini dengan “Rationalism” dalam Islam. Kita sengaja menuliskan “Rationalism” dengan koma dua serangkai

oleh kerana pada hakikatnya rationalism sebagaimana yang terkenal di Barat itu tidak sama dengan fahaman dan i'tiqad yang dibentangkan oleh ulama Mu'tazilah tersebut.  
Sebahagian dari masalah-masalah yang penting yang menjadi pusat perbincangan kaum Mu'tazilah ini, ialah tentang: “sifat-sifat Tuhan” dan masalah-masalah “qada' dan qadar”, “adakah Quran itu makhluk atau tidak”, dan beberapa masalah yang lain lagi yang bersangkutan dengan i'tiqad. Selain daripada itu mereka tidak ketinggalan memperbincangkan masalah-masalah politik, terutama masalah khilafah (yakni soal jawatan khalifah Al-Muslimīn \_ P).  
Memang dalam zaman itu soal pemerintahan negara sudah mengobarkan perhatian kaum Muslimin umumnya. Malah tentang masalah yang satu ini pula telah berdirinya bermacam-macam firqah yang masing-masingnya memperhubungkan pendidikan politik mereka dengan salah satu keyakinan yang bersifat

dengan salah satu keyakinan yang bersifat keagamaan. Masing-masing mendasarkan cita-cita kenegaraannya kepada suatu kepercayaan suci yang jadi sumber dan tenaga pencapai cita-cita itu. Ada yang berbuat demikian dengan sungguh-sungguh dan ikhlas, ada pula yang sekadar hendak memakai semboyan keagamaan untuk membenarkan tingkah laku mereka kepada penglihatan dunia umum.

Memang rupanya, tiap-tiap usaha pencapai salah satu maksud yang berkehendak kepada pengorbanan ummat yang banyak, susah melakukannya bila tidak berdasarkan satu iktikad yang suci atau yang dianggap suci, sekali pun ada kalanya maksud yang hendak dituju itu pada hakikatnya memuaskan nafsu keduniaan semata-mata. Adapun perubahan masalah siasah negara dengan falsafah dalam kebudayaan Islam adalah satu soal yang berkehendak kepada perbincangan yang khusus. Lebih dahulu kita kembali kepada pelajaran masalah yang berhubungan dengan ketuhanan. Di antaranya masalah: Qada' dan Qadar.

Masalah ini, masalah tua; bukan masalah yang dibawa oleh agama Islam sendiri. Soal ini ialah satu soal yang telah pernah menggulung dan memeras otak manusia umumnya, malah jauh sebelum datangnya Islam. Telah berjumpa dalam kalangan Kristian. Bahkan dalam kalangan yang di luar dan sebelum agama Kristian, antara lain dalam kalangan falsafah yang lebih dahulu. Tidak mustahil pula, kalau orang berkata, bahawa dalam hal ini paderi-paderi Kristian mempunyai pengaruh pula banyak sedikitnya, dengan memasukkan buah pertengkaran dari lingkungan gereja mereka sendiri ke dalam dunia Islam. Baik dengan maksud memalingkan minat dan perhatian kaum Muslimin daripada amal dan jihad mereka yang amat berbahaya bagi kekuasaan Kristian pada zaman itu \_ ataupun tidak. <sup>o</sup>*Alā*

*kulli hāl* pada masa itu banyak pula di dalam kalangan Muslimin, orang-orang Kristian yang baru masuk Islam dan yang masih menganggap bahawa pembahasan dan perbincangan tentang masalah qada' dan qadar dan yang semacam itu adalah sebahagian dari amalan-amalan orang yang soleh itu. ( Marmaduke Picthall: "Islamic Culture" , vol. VII: 685)

Ahli sejarah yang sepakat dengan theory ini (tentang asal usulnya aliran faham Mu'tazilah) mengemukakan juga bahawa dalam zaman pemerintahan Bani Umayyah terjadilah perhubungan yang lebih rapat antara kaum Muslimin dan kaum Kristian di Syria yang \_ berkat keluasan dada sarat ketinggian budi pekerti orang Islam terhadap agama lain \_ sentiasa mendapat penghargaan yang cukup dari pemerintah negeri. Dalam keadaan yang demikian tak dapat tidak pertukaran fikiran dalam masalah agama akan timbul dengan sendirinya dari kedua belah pihak.

Diriwayatkan bahawa seorang ahli ilmu kalam Kristian yang bernama Johannes van Damascus (lahir 676 m) anak kepada seorang Kristian yang bergaul baik dengan Khalifah Abdul Malik ( bin Marwan dari khalifah-khalifah Bani Umayyah \_ P), pernah menulis satu kitab pembelaan agama Kristian terhadap Islam dengan cara bersoal jawab.

Tidak mustahil, apabila pendirian Yuhannis ini, yang antara lain berhubung dengan "keselamatan manusia" dan "Pengampunan dari Tuhan", bermacam-macam ajaran prihal "kemerdekaan manusia tentang mempunyai dan menjalankan kemahuan", masuk pula ke dalam dunia Islam, disambut dan dikupas lebih lanjut oleh mereka yang menamakan diri mereka bermazhab: "Murji'ah" dan "Qadariyah" ( G. Broekelmann muka 66).

Sebagaimana yang kita katakana, ini satu teori, dan tidak lebih dari itu. Dalam pada kita percaya,

bahawa satu umat yang cukup tingkatan kecerdasannya, yang telah sampai kepada perasaan yang halus, yang telah dianugerahi akal yang kuat dan subur (al-<sup>o</sup>Akal al-Fa<sup>o</sup>āl) seperti umat Islam dalam zaman keemasannya itu, sudah tentu mungkin dengan sendirinya sampai kepada masalah-masalah yang pernah menjadi buah perbincangan umat yang telah lebih dahulu dari mereka, tingkatan peradabannya kira-kira sama dengan tingkatan kebudayaan mereka sendiri. Seringkali kita melihat bagaimana dua zaman umat berjauhan, diantara ia oleh beberapa abad, mungkin menghasilkan pujangga yang bersamaan aliran fikirannya, walau apapun tak ada perhubungan antara satu dengan yang lain, dan walaupun yang satu di Timur, yang satu di Barat.

Antara Imam Ghazali dengan Dikart (Descartes) ada lebih kurang lima abad. Yang seorang di Baghdad dan yang lain di Perancis. Akan tetapi aliran fikiran Imam Ghazali dalam “Tahafut” bertemu kembali dalam perbincangan Dikart dalam buku “Discourse de la Methode”. Rupanya beberapa anasir dan keadaan-keadaan yang bersamaan dalam dua zaman yang berjauhan itu telah menghasilkan dua aliran fikiran manusia yang menunjukkan beberapa persamaan pula. Manakala bertemu dengan seperti itu, biasanya disudahi orang sahaja, dengan kata kesimpulan: Zaman beredar riwayat berulang! (Sejarah mengulangi jejaknya-P). Hal yang demikian ini tak boleh kita lupakan apabila kita hendak menjawab pertanyaan: Di manakah asal usulnya mazhab Mu’tazilah, atau dari manakah datangnya aliran “Tasawuf” dan sebagainya.

## II

Pembangunannya: Wasil Ibn Ata’

Pembangunan Mazhab Mu’tazilah yang mula-mula dikenal orang ialah Wasil Ibn Ata’, dilahirkan di Madinah dalam tahun 80 Hijrah, salah seorang dari suku Bani Makhzūm.

Wasil Ibn Ata’ ialah seorang ahli pidato yang handal dan lancar. Akan tetapi, ia tak pandai melafazkan huruf “ra” yang selalu ia bunyikan seperti “ghīn” yang semacam itu amat aib bagi orang Arab.

Akan tetapi aib ini diputarnya menjadi satu kemasyhuran, yakni menukar perkataan dengan yang tidak memakai “ra”, tetapi yang bersamaan makna sehingga berjam-jam ia pandai berkhotbah, tak sekalipun menyebut perkataan yang memakai “ra” itu. Demikian kemasyhurannya dalam Bahasa Arab, menurut kata riwayat. Malah ada seorang ahli syair yang membuat tamsil: “Engkau jadikan aku sebagai “ra” yang tak dibunyikan, Engkau tindas aku seolah-olah engkau Wasil Ibn Ata’”

“I’tazil ‘annā Wāṣil”

Tadinya “Wasil” seorang murid yang dari seorang alim Ahli al-Sunnah, Hasan Basri yang masyhur. Ada pun yang menjadi pokok pertikaian faham antara murid dengan guru itu ialah pendapat yang dikemukakan oleh Wasil tentang tempatnya seseorang yang berdosa besar di akhirat kelak. Wasil berpendirian, bahawa keadaan seorang berdosa besar di akhirat kelak, orang fasik itu, ialah antara seorang muslim yang soleh dan seorang kafir dan akan ditempatkan pada satu tempat yang khas antara syurga dengan neraka. Dalam istilah mereka masalah ini dikenal dengan nama: “Tempat antara dua tempat”. Khabarnya konon, pada satu ketika duduklah Imam Hasan Basri dalam masjid dikelilingi oleh murid-murid beliau yang sedang menunggu fatwa. Pada saat itu datanglah seorang bertanya kepada beliau: “Ya Imam al-Dīn! adalah dalam zaman kita ini satu kaum yang mengkafirkan orang-orang yang berdosa besar. Dosa besar pada sisi mereka jadi kufur, keluar dari agama. Kaum ini ialah Kaum Khawārij. Ada pula satu jamaah lagi yang berpendapat

bahawa dosa besar tidak memberi mudarat bila beserta dengan iman. Pun amal, menurut mereka ini, bukanlah sebahagian dari iman. Dan maksiat tidak membahayakan bila beserta dengan iman, sebagaimana taat tidak memberi manfaat bila beserta dengan kufur. Golongan ini ialah bernama golongan Murji'ah. Maka bagaimanakah fatwa tuan Imam untuk kami, terhadap dua iktikad tersebut?"

Lalu berfikirilah Imam Hasan Basri sebentar. Akan tetapi sebelum beliau menjawab, Wasil angkat suara, seraya berkata: "Aku berpendapat bahawa seseorang yang berdosa besar itu, bukan seorang mukmin yang mutlak, dan tidak pula seorang kafir yang mutlak, akan tetapi dia itu pada tempat di antara dua tempat: Bukan mukmin dan bukan kafir. Kemudian bangunlah ia dan memisahkan dirinya daripada majlis, pergi berdiri dekat salah satu tiang masjid, dan ditegaskannya pendiriannya tentang masalah itu di hadapan pengikut dan murid-murid Imam Hasan. Kemudian berkatalah Imam Hasan dengan tenang ringkas: "Telah berpisahlah Wasil dari kita".

( I'tazil 'annā Wāṣil )

Maka semenjak itu lekatlah nama "Mu'tazilah" bagi semua yang sependirian dengan Wasil Ibn Ata', dan kemudian bagi beberapa golongan yang faham mereka "berpisah" (Mu'tazilah – P) atau bersalahan dari faham Ahli al-Sunnah yang dipandang rasmi pada masa itu.

Adapun golongan Mu'tazilah itu tidak pula dapat dianggap sebagai satu golongan yang boleh keluar ke dalamnya; melainkan terpecah-pecah pula sampai tidak kurang dari dua puluh golongan yang kecil, masing-masing mempunyai nama yang diambil dari nama pemimpinnya, seperti berikut:

1. Wasilah pengikut Wasil Ibn Ata'.

2. 'Amriyah " 'Amru ibn 'Abīd.
3. Huzliyah " Aba Al-Huzayil Al-'Alāf.
4. Usūriyah " Al-Usūrī.
5. Assakāfiyah " Abū Ja'far al-Sakāfi.
6. Ja'farīyah " Ja'far ibn Mubashirul Harb
7. Bashariyah " Bashar ibn Al-Mu'tamar.
8. Mazdariyah " Abū Mūsā ibn Ṣabīh al-Mazdar.
9. Hishāmīyah " Hishām ibn Umar al-Ghūthī.
10. Ṣalahīyah " al-Ṣāliḥī.
11. Hā'itīyah " Aḥmad in Hā'it.
12. Hudaibīyah " Hudaibī.
13. Mu'ammariyah " Mu'ammār ibn I'bād al-Salam.
14. Thimāmiyah " Thimāmah ibn Ashrus.
15. Khiyāṭīyah " Abū Hasan al-Khiyāt.
16. Ka'biyah " Muḥammad al-Ka'bī.
17. Jabāiyah " Abu 'Ali al-Jabāi.
18. Bihāshimiyah " Abū Hāshim.
19. Jāḥiziyah " 'Umar ibn Baḥru al-Jāḥiz.
20. Nizāmiyah " Ibrahim al-Nizam

Apabila ada sedikit sahaja mereka berselisih faham timbullah satu mazhab, ada yang tinggal kecil dan ada yang bertambah besar. Pun pemimpinnya ada alam yang kenamaan, ada yang kurang terdengar sebutannya. Masing-masingnya mempunyai salah satu pendirian yang khas, satu sama lain berhadapan sebagai aksi dan riaksi, kesemuanya dihadapi dan ditentang pula oleh "Ahlu al-Sunnah".

Kalau kita perhatikan pokok pertikaian faham mereka itu, terkadang-kadang kita akan takjub melihat ketajaman fikiran mereka yang mukhtari' (ciptaan \_ P); terkadang bertanya dalam hati kita, apakah masalah-masalah yang mereka perbincangkan itu tidak terlampau berlebih-lebihan, yakni diperbesar-besar, sehingga seperti gunung, pada hal soalnya \_ pada pandangan kita sekarang \_ tidak begitu

sulit. Tempoh-tempoh kita akan berkata dalam hati:

Bukankah soal yang dipertahankan itu soal di luar urusan kita sebagai manusia; pada lain kali kita akan merasa sedikit kesal dan berkata: Ah, ini soal titik bengik sahaja, kenapakah diributkan sampai begitu!

Akan tetapi hendaklah kita ingat, bahawa mereka itu semua adalah manusia sebagaimana kita juga. Manusia yang tidak maksum dari kesalahan; mungkin terdorong-dorong, mungkin terkhilaf, mungkin terbawa oleh hawa nafsu, walaupun mereka itu bersungguh-sungguh berniat mencari kebenaran dengan hati yang suci dan ikhlas juga.

Dari zaman mereka sampai sekarang, sudah berbilang abad yang silam dan dalam masa yang panjang itu, masyarakat kaum Muslimin terus menerus melahirkan putra-putranya yang cukup mempunyai alam dan persediaan akal untuk memecahkan, walaupun dengan beransur-ansur setengah daripada masalah-masalah yang pada zaman mereka masih belum terkupas sampai memuaskan.

Dan . . . . , seringkali kita memandang suatu hal sebagai tidak bererti, sebagai “titik bengik”, pada hal sebenarnya dia itu satu ranting yang tidak kecil ertinya. Kemahuan ijtihad kaum Muslimin di negeri kita sekarang ini belum tentu akan sampai ke tingkat yang sekarang ini, sekiranya tidak pengupasan masalah “asli” ( lafaz niat sembahyang \_ P). Kira-kira 20 tahun yang lalu.

Dalam pada itu jangan kita lupakan bahawa kita behadapan dengan satu riwayat yang menggambarkan satu pertempuran rohani dari satu kaum yang hendak meningkat kepada satu tingkatan rohani yang lebih luhur, satu kaum yang “kebatinannya” berada dalam zaman “pancaroba” menunggu datangnya masa yang lebih tenang dan aman.

Dalam huraian yang lau telah kita kemukakan, bahawa

dalam perjuangan rohani yang amat sengit itu tidak kurang perjuangan pula korban yang jatuh. Tak kurang faham yang tertolak kerana nyata kekeliruannya. Tak kurang pula yang tetap berdiri teguh dari masa ke masa kerana kebenarannya yang tahan uji. Sebab dalam alam rohani berlaku juga sunnatullah yang dikenal dengan nama: “Baqa’ al-Amthal”, yang kukuh berdiri tegak, yang lemah jatuh hancur.

Boleh jadi kaum kita Muslimin sekarang sudah lama sampai di pelabuhan yang aman dan sentosa. Kalau begitu, syukurlah! Akan tetapi, tidak mustahil, perjalanan (proses) yang seperti itu datang pula. Maka apabila memang hendak datang keadaan yang seperti itu, tak satu kekuatan yang akan sanggup menahannya. Riwayat membuktikan, bahawa pertempuran rohani itu tidak dapat dipadamkan dengan senjata, tidak akan berhenti dengan menewaskan jiwa mereka yang besar sungguh. Juga tidak dapat ditutup dengan larangan-larangan dari pemerintah negeri.

Maka ada baiknya bila seseorang mengambil pelajaran akan kesulitan-kesulitan dan kepayahan-kepayahan yang telah dideritai oleh kaum-kaum yang telah lalu itu, dan memperhatikan bagaimanakah ikhtiar mereka menyelesaikan tiap-tiap kesulitan itu, baik berhasil ataupun tidak. Dengan demikian kita akan lebih tenang berhadapan dengan bermacam-macam keadaan yang ada di keliling kita. Dan akan lebih teguh pendirian kita, apabila pada suatu masa berjumpa dengan gelombang pertempuran batin yang mungkin datang menjelma pula pada tiap-tiap bangsa yang mendapat giliran dari Ilahi.

### III

#### Masalah “Sifat Tuhan”

Adapun sebahagian besar dari ulama salaf menetapkan bahawa Allah mempunyai beberapa sifat seperti ‘ilmun, qudrat, hayāh, irādat, baṣr, kalām dan sebagainya. Oleh kerana

sambungan pada muka 35

-sambungan dari muka 14

mereka menetapkan adanya sifat Tuhan itu maka mereka dinamakan golongan “*ṣifatiyah*”.

Di dalam al-Quran ada beberapa ayat yang sulit mengertikannya seperti: “*al-Rahmānu ‘al al-‘arshistawā*”

-5 Surah: *Tāhā*, (terjemah lafaznya: “Tuhan al-Rahman duduk di atas Arash” P.), “*Limā khalaqta biyadī* . . . . .” – 75, Surah: *Ṣad*, (terjemah lafaznya: “. . . . . bagi sesuatu yang aku jadikan dengan tanganku . . . . . P.), dan lain-lainnya.

Di sini terbit perpecahan faham. Satu golongan dari mereka membiarkan ayat itu dengan begitu sahaja dengan mengakui, bahawa mereka tidak mencapai apa maksudnya ayat-ayat itu, kerana khuatir, bila pintu ta`wil sudah dibuka, masing-masing orang nanti akan menta`wilkan ayat-ayat Quran dengan semahu-mahunya sahaja, dan mungkin dibawa pula oleh hawa nafsu yang boleh menjerumuskan kepada kesatan. Mereka berkata:

“Kita telah ketahui dengan pelajaran akal kita, bahawa tidak satu makhluk pun yang menyerupai Tuhan, dan bahawa Tuhan tidak serupa dengan makhluk-makhluk-Nya. Selain dari itu kita tidak mengetahui akan makna lafaz yang ada dalam firman Tuhan yang seperti dan yang semacam itu. Dan kita pun tidak diwajibkan mengetahui tafsirnya ayat-ayat itu dan tidak pula disuruh menta`wilkannya. Hanya yang sudah terang ialah: kita diwajibkan beriktikad, bahawa tidak ada sekutu bagi Allah, dan tak ada sesuatu pun yang menyerupai Tuhan. Hal yang demikian telah kita tetapkan dengan yakin, . . . . .” (al-Shahristānī: al-Milal wa al-Nihal 1:96.

Adapun golongan yang satu lagi, juga tidak suka memakai ta`wil, akan tetapi mereka berkata, haruslah ditafsirkan menurut lafaz yang zahir itu sahaja. Dan mereka maju selangkah lagi, kalau ada tersebut

“tangan” ditafsirkan dengan tangan, kalau tersebut “duduk” atau “berdiri” atau “datang” , harus diertikan juga dengan “*harfiyah*” (dengan terjemah lafaz yang terbesar itu \_ P), sebagaimana yang kita fahamkan hari-hari. Dengan ini mereka terjerumus kepada golongan yang mengiktikadkan Tuhan menyerupai manusia, yang menurut Ilmu Kalam dinamakan “*Tashbīh*”. Al-Shahristānī memperingatkan bahawa kepercayaan yang semacam inilah yang telah merosakkan Tauhid yang suci menjadi iktikad “*Tashbīh*” yang terang-terangan. Salah satu dari pemuka golongan ini ialah Muhammad ibn Karim yang mendirikan dengan pengikut-pengikutnya satu mazhab pula: “*Karamiyah*” namanya.

Maka kaum Mu`tazilah mengadakan reaksi (kesan balas - P.) yang sengit pula atas faham-faham yang semacam ini. Malah mereka berpendirian, bahawa siapa yang mengatakan Tuhan itu mempunyai sifat, nyatalah dia itu mempersyarikatkan (menyekutukan \_ P) Tuhan kerana dia memperbezakan zat dengan sifat. Oleh kerana itu mereka berkata: “Tidak boleh kita menamakan bahawa Tuhan mempunyai sifat”.

Begitu kesimpulan reaksi mereka terhadap golongan “*ṣifatiyah*” ini.

Demikianlah aliran faham itu telah berjalan dari iktikad *tashbīh* sebagai hujung yang satu, sampai kepada memungkiri akan adanya sifat Tuhan sama sekali, sebagai hujung yang satu lagi.

Bukankah ini salah satu bukti bahawa akal manusia itu mungkin meletur ke sana ke mari, apabila telah melampau lingkungan batas pekerjaannya? Sungguh tidak percuma Rasulullah (SAW) meamanatkan kepada pengikut-pengikutnya “berfikirilah kamu tentang makhluk Allah dan janganlah kamu berfikir tentang zatnya” (al-Hadith).

Salah satu hasil reaksi macam ini ialah bahawa kaum yang tadinya seiktikad dengan Muhammad ibn Karim itu,

malah terlanjur lebih dalam lagi seperti sebahagian kaum Shi'ah dan Rafadī yang sampai memuja Imam-imam mereka seperti Tuhan dan menyerupakan Tuhan dengan (makhluk), kembali dari keterlanjuran dan kesesatan yang lebih besar itu dan menerima . . . . . , pendirian Mu'tazilah tadi. (Abdullah ibn Saba'; seorang golongan Shi'ah pernah berkata terhadap Saidina 'Alī raḍiyallāhu 'anhu: "Engkau sebenarnya Tuhan!" (na'uzubillāh min zālik). Yang beri'tiqad tashbīh itu dari kalangan Syiah, antara lain, al-Mughīrah ibn Sa'id al-'Ajalī. (al-I'tizām 21:3 \_22)

Dalam pada itu tetap sebahagian dari ""ulama' salaf" yang tidak suka kepada ta'wil, dan supaya terpelihara pula daripada mengambil tafsir menurut zahir, yang membawa kepada tashbīh, sebagai Imam Mālik ibn Anas raḍiyallāhu 'anhu. Berkata dalam urusan ini:

"Astawa` sudah dmaklumi, dan bagaimana caranya tidak diketahui, dan percayanya kepadanya wajib, sedang bertanya-tanya tentang hal itu bid'ah." (al-Shahristānī: Al-Milal wa Al-Nihal 1:97).

Menurut riwayat, setelah memberi jawab demikian, Imam Mālik terus memberi pukulan kepada orang-orang yang bertanya-tanya dalam hal itu kepadanya. Menurut hemat kita, adalah pukulan itu ibarat pukulan seorang bapa yang cinta kepada si anak, yang sedang bermain-main api, kerana beliau telah lebih dahulu mendalami bagaimanakah akibatnya dan bahayanya apabila seorang terus menerus mempermain-mainkan khayalnya di tengah satu urusan yang tak dapat difikirkan seperti memikirkan zat Tuhan itu.

Sebahagian dari ulama yang sefaham dengan Imam Mālik dalam urusan ini, ialah Imam Ahmad ibn Hanbal raḍiya llāhu 'anhu, Imam Dāūd Al-Aṣfahānī dan pengikut-pengikutnya, dan ulama-ulama di belakang dari mereka seperti: Abdullāh ibn Sa'īd Al-Kalābī dan Al-Harith ibn Asad Al-Muḥasibī, iaitu ulama salaf yang membahas Ilmu Kalam sambil

memperkuh pendirian dan iktikad mereka dengan keterangan dan hujah yang teguh. Langkah merekalah yang diikuti kemudian oleh Imam Ash'arī yang mendirikan satu system yang tersendiri pula dan memakai senjata kaum Mu'tazilah untuk mempertahankan pendirian Ahlu al-Sunnah wa Al-Jamā'ah.

iv

'Amru ibn 'Abīd

Seorang penganjur dari mazhab Mu'tazilah yang patut pula kita peringati ialah 'Amru ibn 'Abīd yang berpisah dari gurunya Hasan Al-Basrī bersama-sama dengan Wāsil ibn 'Aṭā'.

"Dia ialah seorang Syekh dari kaum Mu'tazilah yang terbesar pada zamannya dan seorang alim terkemuka dalam mazhab ini dan belum pernah dilebihi oleh seorang pun jua sesudahnya", demikianlah bunyi pengakuan Al-Mas'udī, ahli tarikh yang terkenal.

Pengakuan itu dikuatkannya dengan beberapa riwayat yang menggambarkan bagaimana sifat dan akhlak Syekh tersebut. Diriwatikan, bahawa sekali peristiwa 'Amru ibn 'Abīd mengadap Khalifah Al-Manṣūr dan membacakan satu syair yang baharu digubahnya untuk Khalifah, yang bunyinya kira-kira:

"Hai engkau, yang dipisahkan oleh angan-anganmu yang tak berpedoman, diceraikan oleh kecewa dan bahaya maut dari apa yang engkau harap-harapkan! Apakah engkau tidak melihat, bahawa dunia ini dengan bermacam kesenangan yang memperdayakan orang, tidak lain daripada laksana sebuah tempat perhentian orang musafir yang nanti akan terus berjalan pula?

Kesenangan mengandung kesengsaraan, kesentosaan dan keamanannya mengandung keributan dan kekacauan, Kerajaannya berdiri atas pemberontakan yang kejam. Manusia tak lain, ialah satu mangsa dari mala petaka dan bahaya maut, permainan untung dan perasain. Ia lari hendak memperlindungi

hayatnya, akan tetapi terjerumus ke dalam ranjau maut; tiap-tiap langkahnya yang salah sorong, bererti satu kejatuhan, dan liang kuburlah yang akan mengumpulkan buah usahanya kelak.” (Al-Mas’ūdī: Murūj al-Zahab 6:208 \_ 212, diturunkan oleh (Carra de Vaux “Avicienna”)

Sungguh sayang, amat sedikit bekas pena ‘Amru ibn ‘Abīd ini yang sampai ke zaman kita sekarang. Kerana itu susah untuk mendalami pendiriannya dalam masalah-masalah yang dipentingkan oleh kaum Mu’tazilah pada masa itu.

Adapun sekadar syair yang dibahaskannya di hadapan Khalifah Al-Manṣūr itu. Adalah menggambarkan satu keberanian untuk mengatakan sesuatu yang dipandang hak di hadapan siapapun juga, iaitu hal yang patut mendapat penghargaan yang selayaknya, akan tetapi juga melukiskan satu pemandangan hidup yang rusuh risau, yang dengan susah dipersesuaikan falsafah kehidupan menurut Islam, yang jauh lebih gembira dan menghidupkan semangat.

‘Amru ibn ‘Abīd ialah seorang maula (bekas hamba - P) dari Bani Tamim dan meninggal dunia pada tahun 145 H.

Dalam masa ulama Mu’tazilah yang mula-mula ini jugalah mulai masuknya kitab-kitab peradaban Yunani ke dalam dunia Islam dan dipelajari oleh kaum Mu’tazilah itu.

Dan pada masa itu timbullah satu barisan ulama yang berminat ke arah itu, dikerahkan oleh seorang Syekh yang terkenal:

Abū Al-Huzayl Al-‘Allāf.

Abū Al-Huzayl seorang maula dari Bani ‘Abd Al-Qais, lahir tahun 135H, dan wafat tahun 226H. Al-‘Allāf mempelajari falsafah di Baghdad di bawah pimpinan seorang murid dari Wāsal ibn ‘Aṭa’ dan turut mengambil bahagian dalam perbincangan agama dan falsafah

di bawah pimpinan Khalifah Al-Ma`mun (lihat: *Cultuur Islam* muka 24 dan seterusnya)

Al-‘Allāf tidak selamanya menurutkan semua pelajaran guru-gurunya yang terdahulu, umpamanya yang berhubung dengan sifat-sifat keTuhanan. Adapun sifat Tuhan - katanya - ialah zat Tuhan sendiri, bukanlah sesuatu pengertian lain yang dihubungkan dengan zat itu. Kaum Mu’tazilah yang terdahulu berkata: “Tuhan itu mengetahui (alim) kerana zatnya sendiri, bukan kerana “ilmun”. Al-‘Allāf berkata: Tuhan itu alim (mengetahui \_ P) kerana ‘ilmun, pada hakikatnya ialah zatnya sendiri.”

Yang pertama: menafikan akan sifat sama sekali, yang kedua: mengaku adanya sifat, yang pada hakikatnya ialah zat itu juga, atau zat yang pada hakikatnya juga sifat. . . . ! Barangkali ada di antara pembaca yang akan senyum simpul dan berkata: yang pertama itu ialah “setali” dan yang kedua itu ialah “tiga wang”

Kita bawakan misal ini, untuk menggambarkan sampai ke manakah halusnyanya huraian (analisa) dari ahli akal yang memilih soal keTuhanan sebagai lapangan falsafahnya.

## V

Syncretisme

Dalam sebahagian ajaran-ajaran al-‘Allāf itu mulailah kelihatan bekas-bekas dari falsafah Yunani, yang seperti telah kita terangkan, pada zaman itu sudah beransur-ansur menarik perhatian kaum Muslimin.

Akan tetapi ini tidak bererti bahawa kaum Muslimin sudah memakai sahaja dengan “mengambil oper” mentah-mentah apa yang dikatakan oleh ahli-ahli fikir bangsa Yunani yang telah terdahulu itu. Apa-apa yang sampai kepada mereka, mereka saring. Apa-apa yang mepintas lau, kelihatan tidak sesuai dengan agama Islam, mereka kupas lebih



dahulu dan ta'wilkan di mana perlu. Aliran yang semacam ini, yang hendak membuktikan bahawa hasil pendapatan akal tidak berlawanan dengan wahyu Ilahi, yang dinamakan menurut istilah falsafah "Syncreitsme" umum didapati dalam buah tangan failasuf-failasuf Muslimin. Aliran yang begini diperluasa menjadi satu system yang tertentu oleh Ibn Rushd, failasuf Andalusia yang masyhur itu.

Demikian pulalah sikap Abū Al-Huzayl terhadap kepada falsafah Yunani yang ia selidiki. Sebagaimana kita katakan ia pun tidak dapat dikatakan sudah "dipengaruhi falsafah Yunani tersebut sama sekali".

Umpamanya terhadap theory Yunani yang menerangkan bahawa bumi ini tidak akan lenyap dari "ada" kepada "tiada". Kerana ia tidak sanggup menerima akan adanya pergerakan bumi (alam) yang tidak berakhir seperti yang dikemukakan oleh ahli akal Yunani itu, sampailah Abu al-Huzayl kepada natijah, bahawa yang dinamakan menciptakan alam itu ialah "menggerakkannya", dan yang dinamakan kesudahan alam itu ialah "berhentinya" dari bergerak. Jadi sebelum dan sesudah pergerakan itu adalah alam "madah" (benda - P) yang diam tidak bergerak terus. Akan tetapi pengertian "diam" "dalam hal ini - kata Abu al-Huzayl - tidaklah sama dengan pengertian yang kita fahamkan hari-hari. Tetapi hendaklah difahamkan menurut istilah yang dipakai dalam ilmu "ulūhiyah" (keTuhanan - P) pula. Diam itu - katanya - ialah satu keadaan yang teratur dengan mutlak, tersusun sesempurna-sempurnanya oleh undang-undang yang tetap, menurutkan satu persediaan dan penjagaan yang tak ada gawal padanya; maka di sinilah terhenti semua kemahuan dan kemerdekaan. . . . ?

"Saya yakin", kata Karaday, bahawa bagi Abu

al-Huzayl sendiri pun tidak akan jelas benar, bagaimanakah yang sebetulnya yang dinamakan "diam yang tak berkeputusan itu".

Ini tidak sekali-kali menjadi aib bagi Abu al-Huzayl sebagai seorang failasuf. Seluas-luas pemandangan, setajam-tajam otak, dan sedalam-dalam penyelidikan akal manusia, akhirnya tak dapat tidak tentu sampai kepada satu batas yang tak dapat dilampaui lagi, di mana si manusia, mahu tak mahu terpaksa mengakui dengan cara dan bahasanya masing-masing: Wallahu a'lam.

Dengan ini tidak bererti bahawa kita harus mengakui, hasil pemeriksaan mereka itu telah benar semua. Tidak! Malah kesedaran kita bertambah tegas akan kekurangan dan kelebihan manusia, di samping keta'jupan yang bertambah dalam akan keindahan dan kekuatan rohani yang dikurniakan Allah *subhānahu wa Ta'ālā* kepada manusia dengan berupa akal dan perasaan itu \_ kesedaran dan ketakjuban itulah salah satu daripada buah yang dapat dipetik oleh tiap-tiap seseorang yang mengikuti aliran falsafah dan ilmu pengetahuan dari masa ke masa. . . !

Satu daripada teori yang menunjukkan kebenaran mereka, dan yang tak kurang pula pentingnya, ialah satu theory yang boleh dinamakan "teori undang-undang alam". Ringkasnya teori ini, begini: sebelumnya ada wahyu, manusia boleh juga sampai kepada kesedaran akan adanya Tuhan, dan kepada kesedaran akan buruk dan baik. Dengan kekuatan akalnya ia dapat juga memisahkan yang baik dari yang jahat, ia harus memaksa dirinya berlaku menurut hak dan keadilan serta menjauhi dusta dan kezaliman. Maka apabila dia melanggar undang-undang itu berhaklah (semestinyalah) ia mendapat hukuman".

sambungan dari muka 9 berpindah milik beberapa kali daripada seorang kepada seorang sedang selama itu pula tidak ada, menurut undang-undang negeri, yang membatalkan hak beli daripada saudara oleh kerana itu maka hak itu hak yang halal sebab grant yang ada itu sudah menunjukkan didapat dari grant kerajaan.

\* \* \*

Ahmad Awang dari Madrasah al-Irshād al-‘Arabiah Pasir Kelantan bertanya: - Di kampung saya ada seekor lembu telah disembelih orang untuk korban. Adakah halal dimakan dagingnya sekiranya halkum lembu yan disembelih itu terlepas daripada tubuhnya sedang urat-uratnya semua putus?


Jawab: Telah berkata Rāfi’ ibn Khadij: Ya Rasulullah bahawa kami besok akan berhadapan dengan musuh, dan kami tiada mempunyai pisau (buat menyembelih). Maka sabda Nabi (SAW): Apa sahaja yang boleh mengalirkan darah dan disebut dengan nama Allah padanya maka kamu makanlah, apabila

yang dibuat (menyembelih) itu bukan gigi atau kuku; dan saya akan menerangkan itu kepadamu. Adapun gigi maka itu tulang dan adapun kuku maka itu pisau (bagi bangsa Habshah) - Hadis Sahih riwayat jamaah.

Satu hadith lagi maksudnya: Telah berkata Abu Hurairah bahawa Rasulullah (SAW) telah pernah mengutus Badīl ibn Waraqā’ Al-Khuzā’a dengan naik unta yang kehijau-hijauan supaya berteriak di jalan-jalan Mina dengan berkata: “Ketahuilah bahawa sembelihan itu tempatnya di kerongkong dan leher” - Hadith riwayat Daruqtānī.

Satu lagi hadith maksudnya: “Telah berkata ibn ‘Abbās dan Abū Hurairah bahawa Rasulullah (SAW) telah melarang daripada sharīṭah al-shaiṭān iaitu (yang disembelih) (cuma) putus kulit tidak putus urat lehernya.”

Daripada keterangan-keterangan ini dapatlah saudara perhatikan bagaimanakah keadaan lembu yang disembelih itu. Jika semua urat-uratnya telah putus maka sudah sahlah bahawa lembu itu halal untuk dimakan.



*Amir-amir di negara Saudi Arabia sedang menari dalam satu “tarian pedang”.*